



**GARIS PANDUAN AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN
PENGURUSAN PENGOPERASIAN BENCANA
DI BAWAH AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
(PINDAAN TAHUN 2024)**

REKOD SEMAKAN/PINDAAN

TARIKH SEMAKAN/PINDAAN	MUKA SURAT	RUJUKAN PERENGGAN	BUTIRAN SEMAKAN/PINDAAN
1 November 2024	1	2.1	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Dokumen Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Arahan NADMA No. 1 telah mentafsirkan bencana sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblerangan sumber yang ekstensif.”.
	1	2.2	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Arahan NADMA No. 1”.
	3	4.2 (i)	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Perbelanjaan bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur dan kemudahan awam;”.
	3	5.2	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Setiap JPBN dan Agensi Tindak Balas perlu melaporkan secara bulanan kepada NADMA mengenai status perbelanjaan yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini”.
	3	5.3	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Penggunaan baki peruntukan oleh JPBN/JPBD selepas tamat MTL perlu dimaklumkan secara bertulis kepada NADMA.”
	3	5.5	<ul style="list-style-type: none"> • Dipinda kepada “Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan melalui e-mel kwabbn@nadma.gov.my”.

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Agensi Persekutuan yang terlibat mengenai tatacara penggunaan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dokumen Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Arahan NADMA No. 1 telah mentafsirkan bencana sebagai suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan atau impak kepada alam sekitar serta ekosistem yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembleran sumber yang ekstensif.
- 2.2 Arahan NADMA No. 1 turut menetapkan aspek pengurusan kewangan di mana Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk memperuntukkan dana bagi maksud pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana.
- 2.3 Selain operasi mencari dan menyelamatkan mangsa bencana serta menguruskan mangsa bencana yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), fokus utama Kerajaan dalam pengurusan bencana adalah ke arah pengurangan risiko bencana secara berterusan melalui program-program mitigasi, kesiapsiagaan dan kesedaran menghadapi bencana.
- 2.4 Dalam memastikan pengurusan pengoperasian bencana berjalan dengan lancar dan terselaras, peruntukan pengurusan pengoperasian bencana disalurkan ke atas peruntukan sedia ada Kerajaan Negeri dan Agensi Tindak Balas dalam pengurusan bencana sebagai bantuan tambahan. Peruntukan ini bertujuan untuk membantu dan memberikan sokongan kepada Kerajaan Negeri dan Agensi Tindak Balas agar pengurusan bencana dapat ditangani secara bersama.

- 2.5 Di samping itu, peruntukan pengurusan pengoperasian bencana yang disalurkan oleh NADMA kepada JPBN, JPBD dan Agensi Tindak Balas adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

3. SKOP PERUNTUKAN

- 3.1 Musim MTL bermula daripada bulan November tahun semasa sehingga bulan Mac tahun berikutnya berdasarkan kenyataan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).
- 3.2 Peruntukan yang disalurkan adalah bagi tujuan pengurusan pengoperasian bencana dalam tempoh Monsun Timur Laut (MTL) dan di luar MTL untuk kegunaan JPBN/JPBD atau Agensi Tindak Balas sahaja.

4. TATACARA PENGGUNAAN PERUNTUKAN PENGOPERASIAN BENCANA

- 4.1 Peruntukan ini **hanya boleh** digunakan bagi tujuan seperti berikut:
- (i) Pengurusan operasi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK);
 - (ii) Pembelian item pakai habis seperti minyak kenderaan dan alat ganti kenderaan serta pembaikan kecil kenderaan (*wear & tear*);
 - (iii) Perolehan barangan keperluan segera di Pusat Pemindahan Sementara (PPS);
 - (iv) Penyediaan makanan dan minuman untuk petugas di PKOB, PKTK dan PPS;
 - (v) Perbelanjaan operasi pembersihan segera pada jalan yang tersekat atau infrastruktur awam yang terjejas akibat bencana; dan
 - (vi) Lain-lain perbelanjaan yang bersifat operasi bagi tujuan melicinkan proses tindak balas sewaktu kejadian bencana sama ada kepada Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau mangsa bencana.

- 4.2 Peruntukan ini **tidak boleh** digunakan bagi tujuan seperti berikut:
- (i) Perbelanjaan bagi kerja-kerja pembaikan infrastruktur dan kemudahan awam;
 - (ii) Perbelanjaan bagi tujuan pembayaran gaji, elaun atau apa-apa bentuk emolumen atau upah yang boleh disifatkan sebagai ganjaran dalam melaksanakan tugas pengurusan bencana sama ada kepada kakitangan awam, kakitangan badan separa kerajaan, orang awam atau sukarelawan;
 - (iii) Pemberian Bantuan Wang Ihsan kepada mangsa-mangsa bencana;
 - (iv) Perbelanjaan bagi melaksanakan program-program berbentuk latihan, latih amal dan kesedaran awam; dan
 - (v) Lain-lain perbelanjaan yang tidak disifatkan sebagai perbelanjaan operasi MTL.

5. PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN

- 5.1 Semua JPBN, JPBD dan Agensi Tindak Balas yang terlibat hendaklah mengguna pakai garis panduan dan mematuhi skop peruntukan dan syarat-syarat perbelanjaan yang telah ditetapkan serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.
- 5.2 Setiap JPBN dan Agensi Tindak Balas perlu **melaporkan secara bulanan kepada NADMA** mengenai status perbelanjaan yang telah dibuat menggunakan peruntukan ini.
- 5.3 **Penggunaan baki peruntukan** oleh JPBN/JPBD selepas tamat MTL perlu dimaklumkan secara bertulis kepada NADMA. Bagi Agensi Tindak Balas, tiada baki peruntukan yang boleh dibelanjakan selepas tamat MTL.
- 5.4 NADMA boleh membuat pindaan terhadap garis panduan ini sekiranya terdapat keperluan.
- 5.5 Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan melalui e-mel kwabbn@nadma.gov.my.

6. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia ditandatangani.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS)

Ketua Pengarah

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Jabatan Perdana Menteri

Putrajaya

Tarikh: | November 2024